

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN**  
**[ PETALING JAYA SELATAN ]**  
**TARIKH : 8.3.2018 (KHAMIS)**  
**SOALAN :**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :**

- (a) jumlah permohonan kanak-kanak yang gagal mendaftarkan diri ke sekolah awam kerana tidak mempunyai sijil kewarganegaraan; dan
- (b) pilihan yang ada bagi kanak-kanak ini untuk mendapat pendidikan seperti mana termaktub dalam Konvensyen Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi tempoh Januari sehingga 15 Februari 2018, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima sebanyak 13 permohonan rayuan kanak-kanak yang tidak mempunyai sijil kewarganegaraan dari Jabatan Pendidikan Negeri. Sebanyak 12 permohonan telah diluluskan untuk kemasukan ke sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan dan mereka diberi tempoh selama dua tahun untuk mendapatkan dokumen pengenalan diri. Satu permohonan tidak dapat diluluskan kerana dokumen yang

disertakan tidak lengkap. Kelulusan yang diberikan adalah berdasarkan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bil. 3/2018 bertarikh 15 Januari 2018.

- (b) Malaysia telah memberikan komitmen antarabangsa dalam pemerkasaan hak kanak-kanak dengan menandatangani Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (Convention on the Rights of the Child atau CRC) pada tahun 2007, namun mempunyai reservasi terhadap beberapa Artikel termasuk Artikel 28 (1) (a) yang mengkehendaki Negara Pihak untuk memberikan pendidikan rendah secara percuma kepada semua kanak-kanak tanpa mengira status kewarganegaraan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM melaksanakan proses penerimaan masuk murid bukan warganegara ke sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan tetapi tertakluk kepada Peraturan 5 di bawah Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat Bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah) 1998 seperti yang berikut:

- (i) Anak kakitangan kedutaan asing;
- (ii) Anak yang ibu bapanya adalah juga bukan warganegara, yang bekerja dalam perkhidmatan atau agensi Kerajaan, badan berkanun atau mana-mana tempat lain dengan permit kerja yang sah;
- (iii) Anak yang ibu bapanya adalah pemastautin tetap Malaysia; atau

- 35
- (iv) Kanak-kanak yang dipilih oleh Kerajaan kanak-kanak itu untuk melanjutkan pelajarannya di Malaysia menurut mana-mana Memorandum Persefahaman atau Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan kanak-kanak itu.

Penerimaan masuk murid bukan warganegara juga adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan seperti memiliki pas pelajar yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), membayar fi yang ditetapkan oleh KPM dan mengemukakan borang permohonan.

Selain daripada sekolah awam, murid bukan warga negara mempunyai pilihan untuk mendapat pendidikan di sekolah swasta, sekolah persendirian, pusat pembelajaran alternatif atau pusat pembelajaran komuniti.

**SOALAN : 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BT. ANWAR  
(LEMBAH PANTAI)**

**TARIKH : 8 MAC 2018**

**RUJUKAN : 10548**

**SOALAN :**

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) peruntukan kos Bukit Megah Sdn. Bhd. bagi mengendalikan Program Penghantaran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) Secara Sukarela (Program 3+1) dan Program Pengajian dan Penempatan Semula PATI; dan
- (b) status Sistem Penguatkuasaan dan Pendaftaran Warga Asing (NERS) dalam menyimpan data mengikut sistem biometrik oleh Akrab Makmur Sdn. Bhd.

37

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**a) Program Penggajian dan Penempatan Semula Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) atau Program *Rehiring* telah mula dilaksanakan pada 15 Februari 2016 sehingga 31 Disember 2017 secara atas talian melibatkan 15 negara sumber pekerja asing. Seramai 744,942 orang PATI dan 83,919 orang majikan telah mendaftar di bawah Program *Rehiring* dari 15 Februari 2016 hingga 31 Disember 2017.**

**Kos yang perlu dibayar oleh majikan untuk Program *Rehiring* adalah antara RM2,855.00 hingga RM5,975.00 melibatkan pihak kedutaan bagi penyediaan dokumen, Pas Khas, pemeriksaan kesihatan di klinik-klinik berdaftar di FOMEMA, levi, visa, fi proses dan Pas Lawatan Khas Sementara.**

**Kementerian ini telah melantik 3 buah syarikat iaitu Konsortium PMF, Syarikat International Marketing and Net Resources Sdn. Bhd. (IMAN) dan Syarikat Bukti Megah Sdn. Bhd. bagi membantu Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).**

**PATI yang tidak memenuhi syarat-syarat sebagai pekerja asing dari aspek keselamatan, kesihatan dan lain-lain akan dihantar pulang ke negara asal melalui Program Penghantaran Pulang PATI Secara**

Sukarela (Program 3+1) mulai dari 1 Jun 2014 hingga 30 Jun 2018. Melalui Program 3+1, mana-mana PATI yang menyerah diri secara sukarela akan dikenakan kompaun serta dikecualikan pendakwaan untuk kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155). Mereka juga akan disenaraihitamkan daripada memasuki Malaysia untuk tempoh 5 tahun dan diambil rekod biometrik untuk rujukan JIM.

KDN telah melantik 8 buah syarikat untuk membantu JIM mengendalikan Program 3+1 bagi 15 negara sumber iaitu:

- (i) **Bukti Mahligai Sdn. Bhd.;**
- (ii) **Bukti Megah Sdn. Bhd.;**
- (iii) **Harfaase Resources Sdn. Bhd.;**
- (iv) **International Marketing and Net (IMAN) Resources Sdn. Bhd.;**
- (v) **Kericom Sdn. Bhd.;**
- (vi) **Konsortium PMF;**
- (vii) **Perunding Zon Jernih Sdn. Bhd.; dan**
- (viii) **Profound Radiance Sdn. Bhd.**

(b) Jabatan Imigresen Malaysia mengekang kemasukan warga asing yang berisiko ke negara ini melalui Sistem Pangkalan Data (Biometrik) Warga Asing dan Sistem Sekuriti Nasional (NERS). NERS berupaya meningkatkan keberkesanan kawalan dan pemeriksaan warga asing dengan membuat proses pengecaman

terhadap data biometrik yang telah direkodkan sebagai senarai syak Jabatan. Selain itu, NERS dapat mengenal pasti ketulenan identiti individu berdasarkan semakan silang dengan maklumat biometrik sedia ada.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR**

**TARIKH : 8 MAC 2018**

**SOALAN : NO. 22**

**Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kejayaan Universiti Malaya berada pada kedudukan ke-46 dalam senarai Universiti di Asia merupakan satu kejayaan yang besar kepada negara:-

- (a) ke manakah Kementerian bercadang untuk memposisikan negara dalam bidang yang lebih berfokus dan akan lebih dikenali di peringkat antarabangsa; dan
- (b) nyatakan inisiatif Kementerian bagi membantu universiti penyelidikan negara menjana pendapatan lebih banyak dalam bidang penyelidikan berbanding RM6.18 bilion yang telah diperoleh pada tahun 2016.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Umum mengetahui bahawa Universiti Malaya (UM) telah berjaya mengharumkan nama negara apabila berjaya melonjak ke tangga ke-46 tahun ini dalam Asia University Ranking yang dikeluarkan Times Higher Education (THE) berbanding kedudukan ke-59 tahun lalu. Peningkatan ini membuktikan segala pelaburan dan inisiatif yang diambil parti pemerintah sejak beberapa tahun lalu dalam menambah baik prestasi universiti awam (UA) di Malaysia adalah tepat dan berjaya menunjukkan hasil yang cukup membanggakan.



41

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha memposisikan negara dalam bidang yang lebih berfokus, UA di negara ini telah dikategorikan kepada beberapa kumpulan mengikut bidang tujuhan masing-masing. Langkah ini bertujuan untuk **membina reputasi** menerusi keupayaan yang dinamik dan berdaya saing seiring perkembangan global.

Kategori-kategori tersebut adalah seperti **Universiti Penyelidikan**, iaitu universiti yang antara fokusnya adalah kepada bidang penyelidikan berimpak tinggi, berdasarkan kepada laporan antarabangsa Scopus contohnya merangkumi tenaga, kejuruteraan, kimia, fizik dan astronomi serta sains komputer. Kumpulan kedua ialah **Universiti Komprehensif** yang menawarkan pelbagai pilihan bidang pengajian, diikuti **Universiti Berfokus**, iaitu kumpulan yang tertumpu kepada bidang-bidang khusus berkaitan dengan tujuan penubuhannya iaitu teknikal, pendidikan, pengurusan dan pertahanan dan akhir sekali **Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN)** yang fokus kepada bidang teknikal dan teknologi **Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN)** pula berfokus kepada bidang teknikal dan teknologi.

Sumbangan dari kesemua kategori universiti ini khasnya dalam konteks penyelidikan berimpak tinggi pastinya akan dapat menarik lebih ramai pelajar luar negara dan menambah lebih banyak peluang kolaborasi dari penyelidik-penyelidik antarabangsa. Keadaan ini akan membawa impak positif di mana sitasi yang lebih tinggi, berupaya akan memberi kesan kepada kedudukan *ranking* sesebuah universiti, seterusnya meningkatkan keterlihatan global universiti-universiti tempatan di mata dunia.

(b) KPT melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) di bawah Lonjakan Kemampanan Kewangan telah

49

menggariskan beberapa strategi dalam memantapkan kedudukan kewangan UA. Antara strategi yang diperkenalkan ialah menggalakkan UA memperkukuhkan kewangan sendiri, mewujudkan tabung endowmen dan waqaf, mengoptimumkan kos dalam sistem pendidikan dan mempelbagaikan sumber pendapatan dalaman tanpa menjejaskan kualiti pendidikan sedia ada.

Kementerian juga amat menggalakkan UA agar sentiasa meneroka peluang-peluang penyelidikan yang mempunyai nilai komersial tinggi dengan memfokuskan penyelidikan berdasarkan kepada keperluan industri/ komuniti (*demand driven research*) melalui kaedah *smart partnership*. Program *Translational Research* yang diperkenalkan sejak 2017 dan pewujudan Pusat Inovasi dan Pengkomersialan turut memberi impak positif dalam memfokuskan pasaran kepada hasil penyelidikan yang mempunyai nilai komersial tinggi.

Kolaborasi UA dengan agensi antarabangsa dan industri yang diperkenalkan telah terbukti hasilnya sebagai salah satu usaha meningkatkan penawaran kepakaran universiti kepada kumpulan industri. Ia dapat dilihat menerusi beberapa program yang telah diiktiraf seperti program *CEO@Faculty*, *One Industry One University*, *Public Private Research Network* dan *Collaborative Research in Science, Engineering & Technology*.

Usaha-usaha meningkatkan keupayaan UA ini ternyata berada di landasan yang tepat, dan ia akan terus dilaksanakan dengan lebih cemerlang oleh kerajaan yang terbukti cekap, telus dan berkesan khususnya dalam mewujudkan sistem pendidikan tinggi yang cemerlang pada masa kini dan diteruskan lagi pada masa-masa akan datang.